

PENJELASAN BERHUBUNG

DAKWAAN BAHAWA UNIVERSITI TIDAK MENGIKTIRAF GRADUAN KV TANPA SPM

Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) bertujuan mengarusperdana pendidikan vokasional setanding dengan aliran pendidikan perdana. Transformasi ini mencorak landskap baharu kepada sistem pendidikan negara yang berteraskan pencapaian kompetensi kemahiran dan akademik. Matlamat TPV melahirkan tenaga kerja separuh mahir dan mahir dengan sasaran 70% ke pasaran kerja, 20% melanjutkan pengajian dan 10% menjadi usahawan.



Pindaan Akta Pendidikan (Akta 550) telah diluluskan Dewan Rakyat (1 April 2015) dan Dewan Negara (29 April 2015) dan berkuatkuasa mulai Januari 2012. Penjenamaan sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional (KV) dengan penggunaan kurikulum baharu iaitu Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV). KSKV mematuhi Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (pengiktirafan dari Jabatan Pembangunan Kemahiran-JPK) dan Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency* atau MQA). Program KV mengambil masa 4 tahun 3 bulan dan mengandungi latihan industri (4 bulan) dihujung pengajian.

BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pendidikan ("Akta 550"). Pindaan ini selaras dengan Dasar Transformasi Pendidikan Vokasional yang dizahirkan melalui penjenamaan semula sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional. Penjenamaan semula ini melibatkan pengenalan kurikulum baharu.

Pendidikan (Pindaan)

Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang digunakan di semua kolej vokasional. KSKV ini dirangka dengan mematuhi keperluan **Standard Kemahiran Pekerjaan Malaysia** di bawah **Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652]** dan **Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679]** bagi memastikan sijil atau diploma yang bakal dianugerahkan adalah setaraf dengan sijil atau diploma yang dianugerahkan oleh pemberi pendidikan vokasional yang lain dan diiktiraf oleh industri

DILULUSKAN OLEH :

DEWAN RAKYAT :
1 APRIL 2015

DEWAN NEGARA :
29 APRIL 2015

PELAKSANAAN DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA

10%
Usahawan

70%
Alam Perkerjaan

20%
Melanjut Pelajaran

PROGRAM DIPLOMA
MINIMUM 90 KREDIT
MINIMUM 2 TAHUN
(DVM)

TAHUN 2
OJT 4 BULAN

TAHUN 1

TAHUN 2

TAHUN 1

Ciri Utama Program :

- Syarat Kematuakan Am : **Lulus SVM** (Selepas Semester 4) serta Kredit B.Melayu
- Syarat Khusus bergantung Bidang
- Imaniah (20%), Vokasional (80%)
- Elemen PBE, SE dan OJT
- Kemahiran Kebolehekerjaan

PROGRAM PERSEDIAAN PRA DIPLOMA (SVM)

Ciri Utama Program :

- LP iktiraf setara dengan SPM (B.Melayu)
- 5 M/Pelajaran Akademik lain
- Modul-Modul Vokasional
- Akademik (30 %) Vokasional (70 %)
- Kemahiran Kebolehekerjaan

Lepasan PT3 yang mengikuti Program KV dianugerahkan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) daripada Lembaga Peperiksaan selepas 2 tahun pengajian. SVM digunakan sebagai syarat kemasukan ke program Diploma Vokasional Malaysia (DVM). SVM juga telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai kelayakan untuk bekerja di sektor awam.

BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KRONOLOGI SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengambil maklum melalui ruj. surat JPA.BPO(S)324/1/1-1 Jld.11(7)

Penyetaraan Bahasa Melayu SVM Kod 1104 adalah diiktiraf setara dengan Bahasa Melayu SPM Kod 1103

Memenuhi syarat lantikan skim perkhidmatan yang bersesuaian bagi tujuan lantikan ke perkhidmatan awam.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Kami mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri - ciri berikut: (i) Berketerampilan; (ii) Boleh bekerja secara berpasukan; (iii) Bakat kepimpinan; (iv) Jati diri yang tinggi; dan (v) Bersikap profesional.

SPM /SVM /SKM
(KUMPULAN PELAKSANA)

KERJA KOSONG 1 MALAYSIA

» Juruteknik Komputer Gred FT19
(Jabatan Perkhidmatan Awam)
- 30 kekosongan

kerjakosong1malaysia.com

Pendaftaran permohonan jawatan adalah sepanjang masa dan hanya diterima melalui *online* sahaja. Sebarang surat menyurat dan penghantaran *resume* tidak diperlukan. Tempoh sah laku permohonan adalah setahun. Urusan pengambilan adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh Kementerian / Jabatan dan hanya calon yang berjaya melepasi tapisan akan dipanggil temu duga.

Dalam bulan Ogos ini, SPA akan melaksanakan urusan pengisian jawatan kosong untuk beberapa jabatan / kementerian. Calon-calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan-jawatan di atas tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian, sila pastikan pendaftaran permohonan masih dalam tempoh sah laku. Tarikh tutup untuk permohonan baru adalah sebelum atau pada **23 Ogos 2016 (Selasa) jam 11.59 malam**.

MOHONLAH SECARA ONLINE DI PORTAL SPA :
<http://www.spa.gov.my>


Maklumat mengenai syarat lantikan/gaji/tugas-tugas jawatan di atas boleh diperolehi melalui <http://www.spa.gov.my/web/guest/deskripsi-tugas>

Dasar Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk kemasukan ke Diploma (Tahap 4, Kelayakan Kerangka Malaysia (KKM)) iaitu lulus SPM/SPMV dengan mendapat sekurang-

kurangnya kepujian dalam tiga mata pelajaran atau Lulus Sijil dalam bidang berkaitan (Tahap 3, KKM) atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya. Sehubungan dengan itu, **penyetaraan SVM dengan 3 kredit SPM** oleh Lembaga Peperiksaan telah digunakan sebagai syarat kelayakan untuk **kemasukan ke program Ijazah Sarjana Muda** bagi pelajar cemerlang.

BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL

PENYETARAAN SVM DENGAN 3 KREDIT SPM



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

**Surat makluman kepada MQA
oleh Lembaga Peperiksaan –
Ruj. Surat
KP. LP. 003. 03. 18 Jld. 5 (74)
Bertarikh 28 Mac 2016**

Penyetaraan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dengan 3 Kredit Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) :

- i. PNGK Akademik : 3.33;
- ii. PNGK Vokasional : 3.67;
- iii. Kepujian Bahasa Melayu (1104);
- iv. Kompeten semua Modul Vokasional

Sebanyak 15 KV Rintis (satu KV bagi setiap negeri) telah melaksanakan 16 program DVM mulai tahun 2012. Kesemua program yang ditawarkan oleh 15 KV Rintis telah mendapat Perakuan Akreditasi Sementara (MQA01).

Proses penilaian bagi pengiktirafan penuh program (MQA02) ke atas 15 KV Rintis telah dilaksanakan mulai September 2016 dan berakhir pada Disember 2016. Keputusan pengiktirafan penuh program ini akan hanya diperoleh pada tahun 2017.

KEBOLEHPASARAN KV



24-26 Ogos 2016
Universiti Sains Islam Malaysia

83.1%

Graduan KV
bekerja
mengikut bidang

(sila 30 November 2016)

Alhamdulillah..hebatnya aliran vokasional..pelatih belum graduate sudah dilamar untuk bekerja sebagai welder dengan nama besar dalam industri, Sapura Kencana. Lulus segala ujian dan harini lapor diri. Welder perempuan dari batch pertama Diploma Vokasional Malaysia. Semoga terus sukses skill workers sedunia 🙌🙌🙌

#kvrintis
#kimpalan



UTUSAN MALAYSIA • ISIN 20 JUN 2016

DALAM NEGERI 5

Kolej Vokasional penuh tuntutan tenaga mahir

Oleh SHARANEI SHAH AHMEDULLAH

PUTRAJAYA 19 JUN

SARAJA program vokasional siberi nafas baharu melalui Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) pada tahun 2012, dianggap sangat aset yang baik koncomya aliran tersebut tidak mempunyai masa depan yang cerah malah berjaya ditangani.

Menurut projek rintis dengan mewujudkan sebanyak 95 buah kolej vokasional di setiap negeri, aliran pendidikan vokasional semakin diterima rami dan telah dianggap sama tahap dengan aliran perdana.

Lelaki membanggakan, pelajar-pelajar kolej tersebut bukan sahaja memperoleh tahap kebolehan yang tinggi malah, berjaya menarik minat pihak industri sebagai tenaga manulakan latihan industri melalui latihan bekerja dalam industri atau on the job training (OJT).

Menurut Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional Kementerian Pendidikan, Zainuren Mohd. Noor, langkah ini adalah satu langkah yang signifikan dalam memajukan tenaga kerja mahir dan separuh mahir yang diperlukan industri di negara ini.

Berlaku berkata, perkara itu berlaku apabila 30 peratus daripada 2,666 orang pelajar dari 15 buah Kolej Vokasional (KV) sudah ditawarkan pekerjaan dalam industri walaupun belum menerima Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang dipaparkan dalam majlis konvokesyen bulan Ogos ini.

"Pelaksanaan OJT ini adalah empat bulan setelah merupakan syarat wajib bagi pelajar diploma apabila mereka menghadiri bagi kemahiran sekali gus, mereka sendiri pengalaman berhadapan di alam perkerjaan."

Menurut OJT ini, pendirian dibuat bagi membolehkan pelajar untuk mula mereka memulakan kehidupan pihak industri atau sebalik dan bagi mereka yang berjaya akan ditawarkan pekerjaan mahir yang tahap kemahiran mahir kurang akan terus memulakan



ZAINUREN MOHD. NOOR berhadapan dengan pelajar Kolej Vokasional Sempang Perak 1, Nurul Fikry Azlan Mohd. Zuhair (tiga dari kiri) dan Siti Sarah Mohd. Samad (kanan) serta pelajar Kolej Vokasional Mafak Tembesu, Siti Nur Syazana Azar Ahmad ketika di majlis di Putrajaya, semalam. Turut hadir, Roslinda Othman (dua dari kiri) dan Che Nurul Huda (dua dari kanan).

Malaysia baru-baru ini. Mengambil contoh, kejayaan pelajar rintis di Kolej Vokasional Sempang Perak 1 (KVSP1) yang berjaya ditawarkan pekerjaan oleh industri, katanya, sebanyak 45 daripada 64 orang pelajar kolej tersebut yang mengahului program Diploma Teknik Kimpalan telah berjaya ditawarkan pekerjaan baru pun masih belum selesai pengajian.

"Ini menunjukkan produk daripada kolej vokasional mampu menarik tenaga kerja mahir atau separuh mahir bagi keperluan industri di negara ini."

"Sasaran kita ialah sebanyak 80 peratus pelajar-pelajar ini dapat memulakan alam perkerjaan selepas memulakan, pengajian memulakan

bidang kebolehan", katanya. Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Latihan Pendidikan Vokasional (OTVA) Roslinda Othman berkata, sebagai Institut Kemahiran Sivili di bawah sistem pertauliahan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPB Kemahiran) Kementerian Pendidikan Malaysia, akademi itu bertanggungjawab menyediakan latihan kemahiran beserta peralihan profesional dalam bidang berkaitan. Malah, peralihan latihan kemahiran disediakan VETA membahaskan latihan, memulakan, pemantauan dan kewilangannya kerana bidang berkaitan mendapat pemantauan tinggi dalam industri.

"Terutama, VETA dan RPTV

Pelaksanaan OJT ini semasa empat bulan terakhir merupakan syarat wajib bagi pelajar diploma berkenaan untuk memberi peluang kepada mereka meningkatkan lagi kemahiran sekali gus, merasa sendiri pengalaman berada di alam perkerjaan."

ZAINUREN MOHD. NOOR Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional Kementerian Pendidikan

teknik memotong dan mencanai serta pendalaman pelbagai lagi perkara berkaitan bidang kimpalan ini," katanya.

Katanya, memulakan program yang dijalankan itu, pelajar-pelajarnya bukan sekadar dilatih dengan ilmu kemahiran malah, turut diager dengan masa pembelajaran mereka bagi mendapatkan lagi Vokasional Malaysia (DVM) satu, serta dengan tiga kredit Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Katanya lagi, pelajar lulusan SVM yang layak akan berpeluang melanjutkan pelajaran ke DVM di kolej vokasional serta boleh memulakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) hingga ke tahap tertinggi iaitu pada Tahap 4.

Sekarang program ini sudah memulakan tahun kedua dan pelajar yang terlibat dalam program rintis lampau tahun DVM dan memulakan hari konvokesyen sahaja.

"Pelajar yang sangat membanggakan saya sebagai guru ialah apabila anak-anak murid ini bukan sahaja berjaya memulakan perkerjaan masing-masing tetapi juga telah berjaya diterima bekerja di dalam pihak industri dan memulakan satu yang siap hujungnya ialah akan

KV berjaya membuktikan graduannya mencapai sasaran yang ditetapkan.

Graduan Kolej Vokasional (KV) boleh melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam dua (2) keadaan berikut :

(a) Menggunakan laluan Accreditation of Prior Experiential Learning atau APEL yang merupakan proses pengakreditasi pengalaman pembelajaran terdahulu daripada MQA yang terbuka kepada graduan berusia 21 tahun ke atas.

Atau

- (b) bagi graduan yang cemerlang, **laluhan terus selepas memperolehi diploma** adalah :
- i. Mempunyai kelayakan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) yang telah disetarakan oleh Lembaga Peperiksaan (LP) kepada 3 kredit Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) iaitu :
 - PNGK Akademik : 3.33;
 - PNGK Vokasional : 3.67;
 - Kepujian Bahasa Melayu (1104);
 - Kompeten semua Modul Vokasional; dan
 - ii. Mendapat kelulusan khas daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sehingga akreditasi penuh program diploma diperolehi.



KENYATAAN MEDIA

LALUAN TEKNIKAL & VOKASIONAL BAGI GRADUAN DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA (DVM) KE INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) MALAYSIA

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) ingin menjelaskan laluan bagi graduan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melanjutkan pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seluruh negara.

Laluan Teknikal & Vokasional tersebut berbeza dengan laluan akademik tradisional kerana graduan DVM perlu memenuhi 2 kriteria iaitu: (1) memperoleh pengalaman pekerjaan sekurang-kurangnya sehingga berumur 21 tahun; dan (2) mendapat sijil APEL (*Accreditation of Prior Experiential Learning*) yang merupakan proses pengakreditasi pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu daripada MQA. Graduan DVM boleh terus memohon untuk kemasukan ke IPT setelah memenuhi kedua-dua kriteria tersebut (sila rujuk lampiran).

Bagi graduan DVM yang ingin melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda ke IPT secara serta merta selepas menerima DVM juga boleh dipertimbangkan dengan syarat lulus kesetaraan SPM-SVM (Sijil Pelajaran Malaysia – Sijil Vokasional Malaysia) yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan, KPM dan syarat-syarat lain yang dipersetujui oleh kedua-dua Kementerian.

Untuk maklumat lanjut mengenai APEL, layari www.mqa.gov.my/APEL ataupun hubungi pegawai MQA iaitu Hazirah di talian 03-7968 2253 atau e-mel di hazirah@mqa.gov.my dan Izzatlyiyana di talian 03-7968 3315 atau e-mel di izzatlyiyana@mqa.gov.my.

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA

13 OKTOBER 2016

LALUAN GRADUAN DVM KE IPT

